



TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKDW
BULAN FEBRUARI 2024**

TARIKH/ MASA:

**8 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)
8.00 PAGI**

TEMPAT:

**DEWAN SRI LESTARI
ARAS B1, KKDW**

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis.
Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. Saya mulakan tahun ini dengan ucapan amanat yang menggariskan beberapa pendekatan baharu antaranya adalah imperatif baharu Aspirasi Desa MADANI dan sasaran *game-changer* yang berimpak tinggi untuk diperhalusi serta dibincangkan bersama.
2. Kemudian kita telah duduk berkampung di Hotel Seri Pacific bagi sesi pemukiman Kementerian untuk menjadikan aspirasi dan sasaran awal tadi kepada 62 cadangan *moving forward* untuk dipantau dan diperhalusi oleh jawatankuasa khas, sebelum diangkat oleh Bahagian, Agensi dan Unit Kementerian sebagai panduan dan hala tuju tahun 2024.
3. Asasnya telah dipasak, bayangan gerak kerja telah disusun

rapat. Kini tiba masa yang paling penting untuk kita menetapkan Key Performance Index (KPI), dan seterusnya melaksanakan semua cadangan-cadangan yang telah kita rangkumkan bersama.

4. Matlamat kita sama. Merealisasikan hasrat dan harapan bersama ke arah menjadikan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sebuah Kementerian yang terkehadapan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, khususnya masyarakat di kawasan perdesaan.
5. Saya tidak boleh lakukan ini bersendirian. Kita perlu bersatu hati, bergerak sederap memberi fokus kepada kebersamaan dan usaha berterusan bagi mencapai apa yang kita inginkan melebihi pencapaian yang dikecapi pada tahun-tahun sebelumnya.

Warga KKDW yang saya hormati,

HALA TUJU KKDW 2024

6. Menerusi Program Pemukiman KKDW yang telah diadakan pada bulan lalu, di mana saya sendiri telah melibatkan diri secara langsung sepanjang 3 hari pemukiman tersebut yang

menekankan kepada 6 fokus utama iaitu Ekonomi dan Keusahawanan, Pengukuhan Tadbir Urus dan Kemampanan Agensi Serta Anak Syarikat, Pendidikan, Infrastruktur dan Teknologi, Kepimpinan Desa, dan Tatakelola dan Sistem Penyampaian.

7. Melalui penglibatan dan pencambahan buah fikiran pelbagai peringkat terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, Ketua Pegawai Eksekutif Anak Syarikat dan *Subject Matter Expert* (SME) daripada kalangan pegawai kanan KKDW serta agensi dan ahli-ahli akademik, sebanyak 62 program telah dibentuk dan ianya akan menjadi hala tuju KKDW pada tahun ini dan sebahagiannya akan berterusan pada tahun-tahun seterusnya.
8. KKDW perlu lebih memandang keterhadapan (futuristic) dalam merancang pembangunan Kementerian ini secara jangka masa panjang berikutan pada tahun 2050. Seperti saya sebutkan sebelum ini Kementerian akan berubah peranan, visi dan misinya di masa hadapan jadi perancangan kita perlulah selari dengan peredaran zaman.
9. Justeru, bagi memastikan apa yang dirancang dapat mencapai hasrat yang saya telah tetapkan, saya mengarahkan agar beberapa Jawatankuasa ditubuhkan

untuk membantu dalam pemantauan pelaksanaan program-program ini.

10. Saya melihat bahawa penubuhan jawatankuasa ini, ianya bukan sahaja dapat memacu kepada tercapainya matlamat dan objektif program, tetapi ianya dapat memastikan penganjurannya dilaksanakan dengan penuh etika, beramanah, dan bertanggungjawab.
11. Saya ingin mengajak semua bersama-sama saya untuk melaksanakan amanah sebagai peneraju pembangunan desa ini. Saya mahu bulan Julai nanti kita adakan semakan semula pelaksanaan 62 program yang dicadangkan ini. Saya mahu apa yang kita fikir tidak hanya tersemat di dalam minda, tetapi kita kena memastikan proses pelaksanaan itu dibuat sebaiknya. Dari situ, kita dapat menyusun semula keutamaan program agar lebih memberi impak kepada rakyat.

Warga KKDW yang saya hormati,

SESI LIBAT URUS BAGI INPUT KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA

12. Sebagai warga KKDW, kita sangat bertuah kerana

Kementerian ini turut dilibatkan secara langsung dalam pelaksanaan Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) peringkat nasional akan diadakan pada 29 Februari hingga 2 Mac 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

13. Selaras dengan matlamat KEB yang ingin memperkasakan pembangunan Bumiputera untuk jangka masa panjang, terdapat sepuluh (10) kluster yang memfokuskan peranan masing-masing sedang giat melaksanakan sesi libat urus untuk mendapatkan input-input berkaitan, dan seterusnya dibentangkan untuk dijadikan sebagai dasar KEB kali ini.
14. Menerusi sepuluh (10) kluster tersebut, empat (4) daripadanya dipertanggungjawabkan di bawah KKDW sebagai sekretariat iaitu Reformasi Pendidikan dan Modal Insan, Daya Saing Perusahaan Bumiputera, Pembangunan Desa dan Pemerkasaan Masyarakat Orang Asli dan FELDA dan Tanah Wilayah.
15. Alhamdulillah, saya telah dimaklumkan bahawa sesi libat urus bersama dengan pihak berkepentingan telah berjaya dilaksanakan dan kita telah bersedia sepenuhnya untuk membentangkannya pada KEB yang akan berlangsung tidak lama lagi. Insya-Allah

MINI KARNIVAL USAHAWAN DESA (KUD) @KOTA SAMARAHAN

16. Baru-baru ini juga, kita telah memulakan siri jelajah Mini Karnival Usahawan Desa (Mini KUD) di Kota Samarahan, Sarawak. Lokasi ini telah dipilih sebagai lokasi pertama penganjurannya pada tahun ini dan berjaya menarik pengunjung seramai 68,000 orang sepanjang empat (4) hari penganjurannya.
17. Dengan bermatlamat untuk melahirkan dan memperkasa usahawan desa, kita telah membuka peluang kepada warga setempat untuk melaksanakan pelbagai aktiviti jualan. Ketika merasmikan program tersebut, saya berkesempatan untuk meninjau barangan jualan, hampir kesemua peniaga menjual produk-produk tempatan yang sangat berkualiti dan mempunyai potensi pasaran yang sangat luas seperti batik sarawak, kraftangan, produk makanan dan sebagainya.
18. Bayangkan, untuk program Mini KUD@ Kota Samarahan itu sahaja mereka berjaya mencatat jualan sebanyak RM1.25 juta dengan RM611 ribu jualan tunai dan RM637 ribu padanan bayaran atau *matching grant*. Pasti jika produk tersebut diberi akses pasaran yang lebih luas,

usaha untuk menoktahkan kemiskinan di negara ini pastinya bukan suatu yang mustahil untuk dilakukan oleh Kerajaan.

19. Sepertimana ucapan saya semasa perasmian Mini KUD@Kota Saramahan, saya menyebutkan bahawa "kita harus memperkasakan seluruh sistem yang ada bagi mewujudkan wow factor kepada usahawan desa ini dengan meneruskan lagi Mini KUD ini ke lokasi lain".
20. Saya lihat mini KUD ni dah baik. Tapi alangkah baiknya lagi kalau di setiap penganjuran Mini KUD nanti, kita dapat lahirkan ikon KUD. Kenapa perlu ikon? supaya ikon usahawan ini dapat menjadi ikutan dan 'bench mark' kepada masyarakat setempat yang menceburi perniagaan. Ikon KUD juga dapat mengangkat bukan sahaja tentang keusahawanan desa tetapi juga nama baik Kementerian dan Kerajaan secara keseluruhannya. Bayangkan kalau kita ada 10 Khairul Aming, dengan sendirinya kita dapat menaikkan nama Kementerian kita ini. Betul?

PROGRAM MADANI RAKYAT (PMR)

21. Selain itu, tahun ini Kerajaan Perpaduan telah maju selangkah lagi dengan menganjurkan Program MADANI

Rakyat (PMR) akan diadakan di enam (6) zon seluruh negara. Ini merupakan satu usaha dengan pendekatan baharu bagi membolehkan perkhidmatan touchpoint rakyat boleh disampaikan secara langsung kepada golongan sasaran serta penghebahan secara dekat bagi inisiatif-inisiatif kesejahteraan rakyat dalam menghadapi kos sara hidup yang tinggi.

22. Kerajaan akan mulakan siri jelajah ini pada 23 Februari 2024 di Kuala Selangor yang diteraju oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Walaupun tuan rumah bagi program ini adalah Kerajaan Negeri Selangor, KKDW juga turut diberi tanggungjawab untuk menjadi Kementerian Peneraju bagi Zon Timur dan tuan rumah bagi Zon tersebut adalah Kerajaan Negeri Pahang.
23. Saya mahu KKDW memberikan komitmen yang tinggi untuk bersama-sama menjayakan PMR ini. Justeru, saya menggesa agar Bahagian serta agensi berkaitan segera melakukan persiapan dan melakukan usaha yang terbaik sepanjang siri jelajah ini berlangsung.

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT DATA PENJAWAT AWAM
DI DALAM SISTEM PANGKALAN DATA UTAMA (PADU)**

24. Satu lagi perkara penting yang mesti kita berikan perhatian adalah mengenai Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 2 Januari 2024 lalu. Saya dimaklumkan sehingga 2 Februari 2024, sebanyak 8,173, atau bersamaan 33.4 peratus profil telah didaftarkan dalam Sistem PADU daripada keseluruhan 24,471 jumlah perjawatan sedia di bawah KKDW dan agensi di bawahnya.
25. Saya tekankan mengenai perkara ini kerana YAB Perdana Menteri semasa Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bulan lalu telah meminta supaya semua penjawat awam mengemaskini maklumat dan data dalam sistem PADU selewat-lewatnya sebelum 15 Februari 2024.
26. Saya mahukan seluruh warga KKDW memberikan kerjasama dan menterjemahkan kebersamaan kita di dalam setiap inisiatif Kerajaan dengan menyegerakan pengemaskinian dalam sistem PADU. Hari ini pun saya lihat ada booth pengemaskinian data PADU untuk warga KKDW, rebutlah peluang ini bagi mencapai angka 100% pendaftaran pada pertengahan bulan ini.
27. Kalau kita sendiri sebagai penjawat awam tidak menyokong inisiatif Kerajaan, bagaimana kita mahu mengharapkan

agar rakyat Malaysia keseluruhannya dapat melakukan perkara yang sama. Kita adalah contoh dan duta kecil kepada Kerajaan. Tindakan kita akan dilihat dan dinilai, seterusnya menjadi ikutan kepada masyarakat. Maka, ambillah tindakan yang sewajarnya dan daftarkan profil anda ke dalam sistem PADU.

KEJAYAAN PERDA DALAM PEMBANGUNAN DESA

28. Pada kesempatan ini juga, saya ingin memberikan penghargaan kepada *host* pada Perhimpunan Bulanan kali ini iaitu PERDA, dengan menyentuh sedikit mengenai PERDA, yang kini telah menjangkau 40 tahun beroperasi di Pulau Pinang.
29. Sejak penubuhannya, PERDA telah menyediakan prasarana sebanyak 12,780 rumah mampu milik di negeri Pulau Pinang kepada kumpulan sasar, 367 unit premis perniagaan untuk disewa oleh usahawan bagi menjalankan aktiviti perniagaan, dan 20 unit dewan masyarakat untuk kemudahan komuniti setempat dalam kawasan operasi PERDA.
30. Oleh kerana kampung saya di Bagan Datuk, Perak tidak terlalu jauh dari wilayah PERDA, saya sendiri melihat

keberkesanan PERDA dalam Pembangunan Ekonomi dengan menghasilkan seramai 23,960 usahawan sejak ditubuhkan, serta membangunkan pembangunan PERDA Halal Park di Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara yang kini diperluaskan lagi dengan pembinaan 22 unit kilang baharu bermula tahun 2023.

31. Begitu juga soal pembangunan modal insan, PERDA telah membantu seramai 39,506 peserta yang menerima manfaat melalui program pembangunan modal insan yang dilaksanakan.
32. Institut Kemahiran Tinggi PERDA atau dikenali sebagai PERDA-TECH yang mula beroperasi pada tahun 1989 juga tidak kurang hebatnya. Sehingga kini PERDA-TECH telah melatih seramai 19,801 pelajar dalam pelbagai bidang kemahiran di peringkat sijil dan diploma.
33. Latihan kemahiran di PERDA-TECH dikembangkan lagi dengan pelaksanaan Program TVET Tahfiz yang dijenamakan sebagai TVET Madaris dan Latihan Selam Skuba Komersial (*Inshore/ Onshore*) bakal bermula pada Mac 2024.
34. Saya percaya, bukan sahaja PERDA, malah semua agensi

dan Lembaga Kemajuan Wilayah di bawah KKDW telah memainkan peranan dalam membangunkan infrastruktur dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat di wilayah masing-masing.

Warga KKDW yang saya hormati,

ZAHIRKAN KEBERSAMAAN

35. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai nilai kebersamaan yang kadangkala sering dipandang enteng dan dilupakan, sedangkan ia sangat penting dalam banyak aspek khususnya dalam usaha untuk mengecap kejayaan bersama.
36. Pernah atau tidak kita terlintas dalam fikiran semasa berpasukan, *'kerja ini tidak memberi manfaat untuk aku, tak payah lah nak sibuk buat'* atau *'alah ni dia boleh urus sendiri'* atau *'rasanya ada ke orang nak dengar pendapat aku?'*.
37. Kata-kata seperti ini perlu disisih kerana dalam tidak sedar, kita telah menutup keupayaan dan kekuatan yang ada dalam diri. Namun, pasukan kita sedang mengharapkan keupayaan dan kelebihan yang ada dalam diri kita bagi mencapai kejayaan sesebuah usaha atau matlamat

bersama.

38. Dengan adanya nilai kebersamaan ini dalam diri setiap warga KKDW, pastinya akan memberi keyakinan dan semangat untuk bersama-sama membawa kejayaan yang bermakna dan lebih besar kepada Kementerian. Kita harus ingat bahawa. 'Apa yang kita beri' adalah sama penting dengan 'apa yang kita dapat' dalam dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah masing-masing. jika bersendirian kita boleh melakukan sedikit, bersama-sama kita boleh melakukan begitu banyak perkara.

PENUTUP

39. Sebelum berakhir, saya mahu ingatkan kepada seluruh warga KKDW bahawa kumpulan sasaran kita mewakili majoriti besar dari jumlah penduduk negara ini dan mereka tinggal di kawasan perdesaan, namun mereka tetap mempunyai impian yang sama untuk memperoleh kesejahteraan hidup selesa dan mencukupi seperti yang tinggal di bandar.
40. Meskipun teknologi komunikasi telah berkembang pesat, namun komunikasi bersemuka adalah medium yang terbaik untuk kita memahami hasrat dan kemahuan masyarakat

desa. Pastikan *personal touch* kita dengan semua lapisan masyarakat desa, samada yang tua atau golongan muda terus terjalin.

41. Teruskan usaha kita dengan idea-idea yang lebih kreatif dan inovatif dalam mendepani setiap cabaran mendatang. *Stay focused, trust the process, and keep moving forward.*
42. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada PERDA yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi urus setia (*host*) pada perhimpunan kali ini. Begitu juga penghargaan saya buat semua warga KKDW yang hadir di dewan ini dan juga yang sedang mengikuti majlis ini secara *online*.
43. Kepada warga KKDW dan seluruh masyarakat Tionghua yang akan menyambut Perayaan Tahun Baharu Cina, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu dan semoga sentiasa makmur dan sejahtera. *Xin Nian Kuai Le!*

Sekian, terima kasih